



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

UCAPAN

BELANJAWAN

2026

Memacu
Potensi
Melonjak
Prestasi

Oleh:

YAB DATO' SERI IR. DR.
AHMAD SAM SURI BIN MOKHTAR
MENTERI BESAR TERENGGANU



**UCAPAN
BELANJAWAN
2026**

“MEMACU POTENSI, MELONJAK PRESTASI”

Oleh:

**YAB Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar
Menteri Besar Terengganu**

Dicetak oleh :



SYARIKAT PERCETAKAN YAYASAN ISLAM TERENGGANU SDN. BHD.
Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman.
Tel : 09-666 6652 / 8601 Faks : 09-666 0611



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

UCAPAN BELANJAWAN TAHUN 2026

Oleh :

**YANG AMAT BERHORMAT
DATO' SERI IR. DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR
MENTERI BESAR TERENGGANU**

**KETIKA MEMBENTANGKAN RANG ENAKMEN PERBEKALAN 2026
DI DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU**

10 NOVEMBER 2025

“MEMACU POTENSI, MELONJAK PRESTASI”

SENARAI KANDUNGAN

PENDAHULUAN	1
ANGGARAN HASIL & PERBELANJAAN	2
HALA TUJU STRATEGIK	4
PEMACU UTAMA	6
INISIATIF BERKEUTAMAAN TINGGI	9
PENUTUP	22

PENDAHULUAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ، عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ،
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
أَمَّا بَعْدُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri,

Yang Berusaha Ketua-ketua Jabatan dan Agensi,

Yang dihormati para pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri,
petugas media, semua tetamu dan pemerhati.

1. Semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala jajahan takluknya dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Nur Zahirah, Sultanah Terengganu sentiasa dalam pemeliharaan Allah SWT, dilanjutkan



usia baginda berdua dalam keadaan sihat sejahtera yang berpanjangan. Semoga kerahmatan dan kesejahteraan juga ke atas putera-putera dan puteri-puteri baginda serta kerabat-kerabat diraja sekaliannya.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

2. Saya mohon mencadangkan Enakmen Perbekalan 2026 bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan dan memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun 2026. Perinciannya adalah seperti dalam Buku Belanjawan 2026 Terengganu Darul Iman.

ANGGARAN HASIL & PERBELANJAAN

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

3. Dalam menyesuaikan keperluan dan keutamaan semasa dengan matlamat jangka sederhana dan panjang, Belanjawan 2026 ini memperuntukkan sejumlah RM1.938 bilion untuk **Perbelanjaan Mengurus** termasuk caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM450 juta.



4. Di samping sektor sosial kekal menerima peruntukan terbesar iaitu RM323.80 juta atau 72.0 peratus daripada keseluruhan **Perbelanjaan Pembangunan**, peruntukan untuk sektor ekonomi ditambah kepada RM92.84 juta atau 20.6 peratus berbanding hanya 4.4 peratus dalam Belanjawan 2025, manakala peruntukan untuk sektor pentadbiran pula adalah sebanyak RM33.37 juta atau 7.4 peratus.
5. Kerajaan Negeri juga komited untuk meningkatkan hasil janaan negeri kepada RM288.59 juta iaitu RM85.36 juta daripada **Hasil Cukai** dan RM203.23 juta daripada **Hasil Bukan Cukai** di samping RM1.709 bilion daripada **Terimaan Bukan Hasil** menjadikan keseluruhan hasil berjumlah RM1.998 bilion iaitu *surplus* sebanyak tiga peratus.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

6. Sehingga berakhir 31 Oktober baru-baru ini, Kerajaan Negeri telah menjana hasil berjumlah RM261.61 juta, termasuk daripada sumber air, atau 93.0 peratus daripada yang dianggarkan bagi tahun ini dan lebih tinggi sebanyak RM16.62 juta berbanding tempoh yang sama pada tahun lalu. Manakala perbelanjaan pula adalah sebanyak RM1.416 bilion iaitu lebih rendah berbanding jumlah keseluruhan hasil sekali gus



berjaya mengelakkan defisit fiskal dan mengekalkan ketersampaian perkhidmatan.

HALA TUJU STRATEGIK

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

7. Belanjawan 2026 ini bertemakan **“Memacu Potensi, Melonjak Prestasi”**. Dalam erti kata lain, saya mahu semua entiti Kerajaan Negeri iaitu jabatan/agensi negeri, badan berkanun dan PBT serta GLC negeri, bergerak dengan lebih pantas mengembangkan keupayaan bersama seterusnya meraih pencapaian yang lebih memberangsangkan, ke arah merealisasikan visi “Terengganu Maju, Berkat, Sejahtera” menjelang tahun 2030.
8. Justeru, saya menetapkan keutamaan Kerajaan Negeri pada tiga fokus iaitu:

FOKUS 1 : Memperkemas Tadbir Urus Kerajaan bagi Meningkatkan Keberhasilan – dengan keutamaan pada mengukuhkan kedudukan fiskal dan meningkatkan kualiti penyampaian.



FOKUS 2 : Menstruktur Daya Tahan Ekonomi bagi Memacu Pertumbuhan – dengan keutamaan pada menggalakkan ekosistem perniagaan yang kondusif, memberdayakan perindustrian, memperkasakan industri pelancongan serta merencanakan pembangunan dan perumahan.

FOKUS 3 : Melestarikan Keperluan Sosial bagi Menjamin Kesejahteraan Inklusif – dengan keutamaan pada menstabilkan akses kepada barang makanan, membangunkan tenaga kerja terlatih tempatan serta membudayakan gaya hidup sihat, selamat dan bahagia.

9. *By unlocking our potential*, saya percaya hasil janaan negeri mampu diusahakan untuk melepasi paras RM300 juta dan pertumbuhan ekonomi kekal mampan antara 3.4 hingga 4.2 peratus. Pada masa sama, Negeri Terengganu terus mengungguli di tangga teratas dalam Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia, manifestasi kesejahteraan pelbagai aspek kehidupan rakyat dari sudut fizikal, sosial, spiritual dan emosi.



PEMACU UTAMA

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

10. Sekalipun Negeri Terengganu tidak diberikan perhatian istimewa oleh Kerajaan MADANI dalam RMK13 dan Belanjawan 2026, serta masih dikekang kewangannya sehingga kini, Negeri Terengganu mesti memacu potensi sendiri untuk melonjakkan prestasi. Justeru, saya menggariskan tujuh pemacu utama iaitu:

PEMACU 1 : Proses belanjawan mesti memberikan penekanan kepada impak dan keberkesanan inisiatif berbanding berorientasikan perbelanjaan dan output. Kerangka keberhasilan di peringkat negeri yang digariskan dalam dokumen PITAS2030 dan Ucapan Belanjawan perlu disokong oleh *results framework* di peringkat pengurusan portfolio dan jabatan/agensi negeri serta rangka kerja fiskal jangka sederhana (*mid-term fiscal framework*).



PEMACU 2 : Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan Inisiatif Utama Kerajaan yang diberikan mandat untuk memacu keberhasilan penyampaian perkhidmatan Kerajaan Negeri perlu diperkasakan lagi dengan penubuhan Pasukan Petugas Mekanisme Pembiayaan Inisiatif Utama Kerajaan dan penyertaan ADUN *backbenchers*.

PEMACU 3 : Dua pangkalan data utama iaitu Profil Rakyat Terengganu dan Sahabat Usahawan Terengganu perlu dipastikan lengkap dan sentiasa dikemas kini supaya dapat menyediakan gambaran semasa mengenai realiti sebenar keadaan isi rumah dan perniagaan di Negeri Terengganu sekali gus memandu pelaksanaan dasar dan program yang lebih berkesan.

PEMACU 4 : Pendekatan ‘whole-of-state’ melibatkan kerjasama, penyelarasan dan kolaborasi antara entiti kerajaan, GLC negeri, pihak swasta dan komuniti perlu



diperhebat merentas peringkat kerajaan dan sempadan geografi serta melalui perkongsian data strategik yang diurus di bawah satu entiti.

PEMACU 5 : Kecekapan PBT mesti ditingkatkan dengan memperkasakan peranan Ahli-ahli Majlis, mengurangkan beban kawal selia serta menyelaraskan perkhidmatan dan prosedur yang lebih seragam antara PBT seperti berkaitan kebenaran merancang, pelesenan dan kemudahan parkir.

PEMACU 6 : Program TVET perlu diarusperdanakan sekali gus menghubungkan bakat tempatan dengan industri melalui penubuhan Majlis TVET Negeri Terengganu.

PEMACU 7 : Kepuasan dan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan Negeri mesti diperkukuh dengan pemantapan jentera dan operasi penerangan yang lebih berkesan menerusi penggunaan



optimum media sosial, AI dan data raya. Akses yang lebih efisien kepada perkhidmatan Kerajaan Negeri perlu tersedia melalui gerbang digital tunggal dan penerimgunaan digital dan automasi dalam pentadbiran.

11. Saya sifatkan ketujuh-tujuh pemacu ini sebagai 'urgent and important', justeru saya memohon perhatian daripada semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ketua-ketua Jabatan yang berkaitan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

INISIATIF BERKEUTAMAAN TINGGI ***(High Priority Initiatives, HPI)***

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

12. Bagi mengukuhkan kedudukan fiskal, keutamaan Kerajaan Negeri adalah pada meningkatkan kecekapan kutipan hasil sedia ada di samping mempelbagaikan sumber hasil dan mengoptimumkan penggunaan sumber luar.



13. Di samping akan menguatkuasakan beberapa item baharu fi pejabat; memperkenalkan caj penginapan; menyokong aktiviti bagi meningkatkan pematuhan terhadap Akta Cukai Pelancongan dalam kalangan pengendali dan pengusaha premis penginapan; platform pendanaan ramai (*crowdfunding*) juga akan diwujudkan bagi menyokong pembiayaan projek kelestarian alam sekitar dan mitigasi bencana.
14. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Perbendaharaan juga akan memperkenalkan insentif bagi menggalakkan peningkatan hasil dan mengiktiraf keberkesanan strategi yang dilaksanakan oleh pusat tanggungjawab hasil.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

15. Bagi meningkatkan kualiti penyampaian, Kerajaan Negeri akan mempergiat usaha pendigitalan perkhidmatan serta pemantapan kompetensi penjawat awam dan pengurusan strategik sektor awam.
16. Potensi dan kompetensi penjawat awam akan dibangunkan dengan lebih berkesan menerusi pelan operasi latihan; kursus wajib kepada yang telah disahkan dalam perkhidmatan; dan program sangkutan pegawai di entiti kerajaan serta GLC yang berprestasi



tinggi bagi memantapkan aspek kepimpinan dan kepakaran.

17. Semua entiti Kerajaan Negeri juga akan disediakan khidmat nasihat dan perundingan pakar mengenai perancangan strategik dan pengurusan prestasi. Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan akan membuat penarafan prestasi perkhidmatan; serta melaksanakan kajian kebolehlaksanaan untuk penyusunan semula struktur dan fungsi entiti Kerajaan Negeri.
18. Kerajaan Negeri juga akan mengadakan Karnival Rakyat Sejahtera di semua Pusat Khidmat Masyarakat untuk mengeratkan hubungan masyarakat, memudahkan rakyat mengakses pelbagai perkhidmatan kerajaan dan berhubung langsung dengan pemimpin setempat bagi menyelesaikan sebarang isu.
19. Mahkamah Syariah pula akan memperkenalkan prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh bagi membolehkan pihak-pihak yang terlibat mengakses perbicaraan. Kerajaan Negeri juga sedang di peringkat akhir untuk menerima pakai sepenuhnya Akta 672 bagi menambah baik pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.



Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

20. Bagi memberdayakan pertumbuhan ekonomi, Kerajaan Negeri akan menumpukan kepada pelaburan dan perindustrian bernilai tinggi dan perdagangan strategik serta pemerkasaan industri halal.
21. Sebagai induk dan pelengkap kepada pelbagai dasar dan pelan tindakan sedia ada, Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri akan membangunkan Rangka Tindakan Transformasi Ekonomi Negeri Terengganu yang memperincikan rancangan pembangunan pelaburan dan perindustrian berasaskan peralihan tenaga, mineral, teknologi dan digital, elektrik dan elektronik serta makanan dan asas tani.
22. Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan memendekkan tempoh proses permohonan pajakan tanah; memberi diskaun dan memperkenalkan pembayaran berjadual harga pajakan tanah; menaik taraf kawasan perindustrian; dan membangunkan aplikasi Terengganu Geographic Information System.
23. Badan berkanun dan GLC negeri juga akan berperanan dalam menubuhkan Pusat Kecemerlangan Mineral Kritikal Terengganu; membangunkan terminal import



dan regasifikasi LNG Kemaman; menyusun rancangan bagi pemilikan sebahagian daripada kepentingan operasi dalam telaga pengeluaran minyak dan gas yang aktif di Semenanjung Malaysia; melaksanakan kajian kebolehlaksanaan pembangunan loji hidrogen dan ammonia hijau; membina kilang baja bagi tanaman kelapa sawit dan pertanian lain; serta mengoperasikan Kawasan Perindustrian Halal Park Gong Badak Tambahan.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

24. Bagi menggalakkan ekosistem perniagaan yang kondusif, Kerajaan Negeri memberikan komitmen untuk menyediakan sokongan keusahawanan, membangunkan kapasiti perniagaan dan memudahkan cara akses kepada pasaran.
25. Usahawan terutamanya dalam kalangan belia, B40 dan asnaf akan terus disokong dengan pemudahcaraan pendaftaran perniagaan dan pematuhan lain; pelaksanaan program latihan keusahawanan dan bimbingan perniagaan serta penyediaan kemudahan pembiayaan mikro menerusi Program UBES dan Program iTEKAD dengan kerjasama institusi kewangan.



26. Penganjuran pesta perdagangan berskala besar seperti Karnival Usahawan dan Koperasi serta Festival Halal akan menjadi platform strategik untuk mempromosikan produk tempatan di samping mengembangkan rangkaian, meneroka peluang pasaran baharu dan meningkatkan kehadiran jenama tempatan di pasaran nasional dan global.
27. Selain itu, Kerajaan Negeri akan membantu usahawan dalam menguruskan pemasaran digital secara berpusat serta membangunkan perniagaan e-dagang. Program Anak Terengganu Certificate juga akan diperluas untuk memberikan keutamaan kepada perniagaan milik anak Terengganu dalam projek di bawah PETRONAS dan perolehan Kerajaan Negeri.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

28. Bagi memperkasakan industri pelancongan, Kerajaan Negeri akan menggerakkan sinergi pelbagai pihak untuk mempromosikan Tahun Melawat Terengganu 2027 dan memastikan kebersediaan fasiliti, produk dan perkhidmatan pelancongan.



29. Negeri Terengganu mesti menjadikan Tahun Melawat Malaysia 2026 sebagai batu loncatan terutamanya bagi meningkatkan ketibaan pelawat asing ke negeri ini. Justeru, penganjuran acara bertaraf antarabangsa seperti Sultan Mizan International Photography Awards, Ijtima' Antarabangsa Perpaduan Ummah dan Himpunan Melayu Nusantara akan dilaksanakan sebagai antara tarikan utama.

30. Rangka kerja tadbir urus Tahun Melawat Terengganu 2027 juga akan diperkasakan dengan penubuhan Sekretariat Tahun Melawat Terengganu 2027 melibatkan pelbagai entiti kerajaan, GLC negeri, pihak swasta, penggiat industri dan wakil komuniti. Sekretariat ini juga bertanggungjawab untuk memperkemas rancangan penjenamaan dan promosi pelancongan negeri melalui kempen dengan pendekatan kreatif dan digital, kerjasama pelbagai pihak serta penonjolan keunikan budaya, warisan, ekopelancongan dan hospitaliti tempatan, di samping memastikan kemudahan-kemudahan di kawasan pelancongan dalam keadaan bersedia untuk memberikan pengalaman terbaik kepada para pelawat.



Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

31. Bagi merancakkan pembangunan dan perumahan, Kerajaan Negeri akan terus memperkukuh kerjasama awam-swasta, memperbaharui dasar dan prosedur serta menggalakkan permintaan dalam pasaran.
32. Projek berimpak tinggi yang menjadi tumpuan antaranya ialah kerja-kerja awalan bagi pembangunan berorientasikan transit di kawasan stesen ECRL, pembinaan laluan sisihan dari Stesen ECRL Chukai ke Pelabuhan Kemaman, pembesaran Pelabuhan Kemaman, Skim Bekalan Air Kuala Terengganu Utara, pembaikan dan penyelenggaraan infrastruktur mitigasi bencana serta penggunaan ICT bagi bandar pintar.
33. Pembangunan rumah mampu milik juga antara agenda terpenting Kerajaan Negeri. Di samping sebanyak 3,125 unit rumah disiapkan sejak tahun 2018 termasuk 620 unit rumah pada tahun ini di tiga daerah iaitu Kuala Nerus, Kemaman dan Besut; sebanyak 9,134 unit rumah lagi dalam pembinaan dan 3,438 unit rumah dalam perancangan di semua daerah.



34. Selain itu, turut diberikan perhatian ialah kerja-kerja pembinaan, pembaikan dan penaiktarafan masjid dan surau di seluruh negeri serta kemudahan di institusi pendidikan antaranya melibatkan Kolej Al-Quran Terengganu, Pusat Tafaqquh Fi Al-Din Tok Syeikh Duyong, Sekolah Menengah Imtiaz, Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin dan SMIDI Ajil. Kerajaan Negeri juga sedang mengusahakan cadangan pembinaan baharu Masjid Kampung Kubang Palas, Kuala Telemong melibatkan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

35. Bagi menstabilkan akses kepada barang makanan, Kerajaan Negeri menumpukan usaha untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian, membangunkan rantaian nilai makanan dan melestarikan pendidikan kepenggunaan.
36. Justeru, pelbagai program dan projek berimpak tinggi Pelan Strategik Pertanian Terengganu 2024-2030 akan dilaksanakan meliputi pengurusan sumber semula jadi secara mampan, penggunaan teknologi hijau serta penglibatan komuniti tani untuk memastikan sektor pertanian kekal produktif, berdaya tahan



terhadap perubahan iklim dan mampu menyumbang secara berterusan kepada sekuriti makanan serta pertumbuhan ekonomi negeri.

37. GLC negeri juga akan berperanan dalam melaksanakan projek agromakanan berimpak tinggi antaranya projek *outgrower* lada hitam, projek agrivolta dan projek penternakan ayam secara bersepadu di Setiu serta pembangunan tanaman tembikai di Ajil.
38. Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan bukan sahaja akan diadakan bagi menghargai warga tani, malah akan dilengkapi dengan penganjuran Agro Summit bagi mempromosikan teknologi serta amalan pertanian baik, merangka strategi pembangunan agro yang mampan dan membuka potensi pelaburan baharu.
39. Suatu inisiatif juga akan diteroka bagi menyokong pekedai runcit tempatan dalam memperoleh bekalan dan menjual barangan keperluan dengan lebih murah sekali gus dapat mengurangkan kos sara hidup pengguna. Di samping itu, bagi menggalakkan masyarakat membeli dan menggunakan produk keluaran peniaga tempatan, Kerajaan Negeri akan memperhebat Kempen Sokong Perniagaan dan Produk Orang Terengganu (SAPOT).



40. Di samping memfokuskan pembangunan tenaga kerja terlatih tempatan melalui pemerkasaan institusi dan bidang pendidikan aliran kemahiran; Kerajaan Negeri akan sentiasa memberikan perhatian kepada sekolah agama rakyat, tahfiz dan pondok antaranya dengan menambah jumlah peruntukan bagi bantuan per kapita dan Skim Al-Ghazali selain sedang mempertimbangkan pemberian subsidi bekalan air kepada institusi pendidikan Islam ini.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

41. Bagi menjamin kehidupan yang lebih berkualiti dan produktif, rakyat mesti dibudayakan dengan pengamalan pemakanan baik dan aktiviti kecergasan serta mengukuhkan institusi keluarga dan menjadi masyarakat yang bertanggungjawab.
42. Justeru, sebagai merintis pembudayaan ini, semua entiti Kerajaan Negeri dan GLC negeri mesti menganjurkan Fat-to-Fit Challenge serta mengaktifkan aktiviti regangan ringkas atau X-Break dan memastikan hanya hidangan sihat disajikan semasa mesyuarat, kursus atau bengkel yang diadakan.



43. Pelbagai aktiviti dan kempen juga akan diadakan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat supaya menjauhi dan memerangi jenayah sama ada sivil atau syariah. Antara yang menjadi keutamaan ialah Karnival Indahnya Hidup Bersyariat, Kempen Cegah Sebelum Parah dan program kesedaran kecelaruan orientasi seksual serta kesihatan mental dalam kalangan warga sekolah.
44. Selain akan menggubal enakmen berkaitan kesalahan jenayah syariah dalam talian bagi membolehkan tindakan penguatkuasaan dan undang-undang diambil untuk membendung kesalahan berkenaan, Kerajaan Negeri juga akan menubuhkan Jawatankuasa Pematuhan Garis Panduan Syariah Negeri Terengganu melibatkan pelbagai entiti Kerajaan Negeri bagi meningkatkan pemantauan, penyelarasan dan pematuhan Garis Panduan Syariah.
45. Kursus Praperkahwinan dan Program Pasca Perkahwinan pula akan dimantapkan pelaksanaannya melalui modul bersepadu, latihan berstruktur, pemantauan berterusan dan pendekatan holistik serta memperkemas rangkaian dan perkhidmatan kaunselor dan perunding cara rumah tangga.



46. Simposium Kepimpinan Belia dan Beliawanis juga akan dianjurkan untuk membina daya kepimpinan dan menggalakkan penglibatan belia dalam pembangunan demokrasi dan tadbir urus negeri.
47. Sempena temasya sukan yang bakal berlangsung pada Ogos tahun hadapan pula, Kerajaan Negeri akan memastikan atlet SUKMA dan Para SUKMA dilatih dan dibimbing secara menyeluruh dari segi fizikal, mental dan taktikal agar tampil dengan semangat juang yang tinggi demi mengharumkan nama Negeri Terengganu.



PENUTUP

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

48. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memainkan peranan dan memberikan sumbangan dalam menjadikan Negeri Terengganu sebagai negeri yang aman dan makmur serta mendapat keampunan Allah SWT.
49. Mengakhiri ucapan ini, buat seluruh anggota pentadbiran Kerajaan Negeri dan para penjawat awam, marilah menginsafi amanah besar yang sedang dipikul ini dengan sebuah hadis, Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ عَبْدٍ اسْتَرْعَاهُ اللَّهُ رَعِيَّةً، فَلَمْ يَحْطُهَا بِنَصِيحَةٍ
إِلَّا لَمْ يَجِدْ رَائِحَةَ الْجَنَّةِ

Maksudnya: *“Tiada seorang hamba yang telah diamanahkan oleh Allah SWT untuk menguruskan hal ehwal rakyat di bawah tanggungannya, lalu tidak menunaikan amanah tersebut meskipun dengan hanya menyampaikan satu nasihat melainkan tidak dapat mencium haruman syurga.”*

(Riwayat al-Bukhari: 7150)



50. Semoga kita semua sentiasa mendapat taufik dan hidayah daripada Allah SWT untuk menjadi pemimpin yang adil dan rakyat yang beriman lagi bertakwa. Dengan izin Allah SWT, marilah kita bersama-sama menjadikan Belanjawan 2026 ini sebagai wadah untuk rakyat hidup lebih sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadang.

Sekian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ